

28 FEB 2002

MAHATHIR-BUMIPUTERA/I

KERAJAAN BANTU KEDUA-DUA SYARIKAT BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA YANG GAGAL

SEPANG, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bukan hanya syarikat Bumiputera yang mengalami kegagalan ketika tempoh kemelesetan tetapi juga syarikat bukan Bumiputera, dan kerajaan membantu kedua-duanya sekali.

Bercakap kepada pemberita selepas kepulangannya daripada bercuti selama sebulan di luar negara, beliau berkata kerajaan cuba mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama.

Beliau berkata kerajaan cuba membetulkan keadaan di beberapa buah syarikat utama yang berdepan dengan masalah akibat kemelesatan, terutama yang berkaitan dengan hutang, dan proses itu juga membabitkan pengambilalihan syarikat-syarikat.

"Saya perlu menjelaskan ini kerana saya melihat dalam akhbar-akhbar mereka suka mensensasikan berita di mana ia adalah sangat tidak adil. Kerajaan perlu berbuat sesuatu tentang perkara ini bagi kepentingan awam dan syarikat. Tiada feadahnya mereka perlu berbuat demikian," katanya.

Kepada satu soalan mengenai sama ada pihak yang beliau bantu mempunyai kaitan dengan kerajaan, beliau berkata semua ahli perniagaan mempunyai hubungan dengan kerajaan.

"Seperti yang anda tahu, kami sedang dalam proses mewujudkan usahawan Bumiputera dan kami perlu memilih orang yang kami percaya mempunyai kemampuan. Sebaik sahaja kami memilih mereka, mereka dianggap sebagai rakan kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, ada sesetengah pihak suka mensensasikan isu-isu dengan memanggil mereka kroni dan mereka nampaknya telah jatuh ke dalam perangkap media asing, katanya.

Beliau berkata kerajaan mahu melihat rakyat mencapai kejayaan dan bagi Bumiputera untuk bersaing.

"Jika kita tidak melakukannya sekarang, tidak akan wujud ahli perniagaan yang besar," katanya.

Kemudiannya akan terdapat sungutan bahawa kerajaan mendiskriminasi dalam membantu bukan-Bumiputera, katanya.

Perdana Menteri juga berkata dunia kagum dengan keupayaan Malaysia menyelesaikan masalah-masalahnya.

Beliau, bagaimanapun kesal bahawa "orang-orang yang tidak kagum adalah rakyat Malaysia sendiri."

"Malaysia adalah sebuah negara di dunia ini yang berjaya menguruskan ekonominya sepanjang krisis. Oleh itu mengapa kita suka mencela negara kita sendiri," katanya. -- BERNAMA

SHO SD ZK